

MAHATHIR

1980

PORT DICKSON, 18 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEGESYORKAN SUPAYA SATU KAJI-SIASAT DAN PENGANLISAAN DILAKUKAN TERHADAP PERTIMBUL-TINDIH KUASA YANG SEKARANG WUJUD ANTARA AHLI-AHLI POLITIK DAN PEGAWAI PENTADBIR.

KAJISIASAT DAN ANALISA ITU PERLU SUPAYA SEBARANG TIMBUL-TINDIH KUASA YANG BERLAKU SEKARANG DAPAT DIATASI UNTUK FAEDAH NEGARA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR POLITIK/PEGAWAI TADBIR SELAMA TIGA HARI DI TELOK KEMANG, DEKAT SINI PETANG INI.

KATANYA, ADA PEGAWAI PENTADBIR YANG KURANG SENANG HATI DAN TERSINGGUNG ATAS CAMPUR TANGAN DAN ARAHAN DARI PIHAK POLITIK DALAM PELAKSANAAN SESUATU PROJEK ATAU PERJALANAN JABATAN.

BELIAU MENINGATKAN DALAM SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN

173
SEKARANG, RAKYAT ADALAH BERKUASA UNTUK MENTADBIR DIRI SENDIRI MENERUSI WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG BERHAK MENGARAH PEGAWAI PENTADBIRAN UNTUK MEMENUHI HASRAT SERTA ASPIRASI MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WAKIL-WAKIL RAKYAT ADALAH BERTUGAS BAGI SATU JANGKA PENDEK DI MANA PRESTASI MEREKA AKAN DIUJI DALAM TEMPOH TERSEBUT DI MANA JIKA GAGAL, MEREKA AKAN TIDAK TERPILIH DALAM PILIHANRAYA YANG DIADAKAN KELAK. -- BERSAMBUNG
MAHATHIR 2 PORT DICKSON

OLEH ITU, KATANYA, WAKIL-WAKIL RAKYAT +MENCEROPOH+ DALAM HAL EHWAL PENTADBIRAN KERANA MEREKA INGINKAN KEJAYAAN SESUATU RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN SECEPAT MUNGKIN AGAR BERJAYA DALAM UJIAN YANG DILAKUKAN OLEH RAKYAT ITU.

+ AHLI-AHLI POLITIK TIDAK BOLEH MENUNGGU LAMA BAGI SESUATU RANCANGAN DIJAYAKAN DAN OLEH ITU MEREKA AKAN CAMPUR TANGAN, MENGARAH ATAU MELIBATKAN DIRI DALAM SOAL PENTADBIRAN, + JELASNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGESYORKAN SUPAYA PEGAWAI-PEGAWAI PENTADBIR MEMPUYAI SIKAP POLITIKUS BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGETAHUI KEADAAN DAN HENDAK SESEORANG AHLI POLITIK.

DENGAN MEMPUYAI SIKAP POLITIK ITU DIHARAPKAN PEGAWAI-PEGAWAI PENTADBIRAN AKAN DAPAT MENGENALI DAN MEMAHAMI HAKIKAT SEBENAR CAMPURTANGAN ITU TERPAKSA DIBUAT, KATANYA.

+PEGAWAI PENTADBIR TIDAK BOLEH LAGI MERASAKAN DIRI MEREKA DALAM KEADAAN PENJAJAHAN DIMANA SESEORANG KETUA JABATAN ITU DI ANGGAP SEBAGAI +RAJA+ BOLEH MEMBUAT SESUKA HATI SENDIRI TANPA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN RAKYAT, + UJAR BELIAU.

+DALAM ZAMAN SEKARANG, PEGAWAI PENTADBIR HANYA MERUPAKAN PESURUH KEPADA RAKYAT DI MANA MEREKA DIKEHENDAKI MELAYAN SETIAP KEHENDAK RAKYAT SAMADA SECARA TERUS ATAU MENERUSI WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH, + -- BERSAMBUNG 1940/YF

B619

MAHATHIR 3 PORT DICKSON

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENCERITAKAN BAGAIMANA ADA AHLI POLITIK YANG MENCURIGAI PEGAWAI KERAJAAN YANG LEBIH BERPENGARUH DENGAN RAKYAT DARI MEREKA SENDIRI SEHINGGA PEGAWAI ITU BOLEH MENENTUKAN PEMILIHAN WAKIL RAKYAT DI KAWASAN MEREKA.

BAGI MENGATASI SEBARANG SALAHFAHAM DAN CURIGA MENCURIGAI ITU, BELIAU MEMINTA KEDUA PIHAK MEMAHAMI PERANAN MASING-MASING SUPAYA WUJUD KERJASAMA ANTARA MEREKA UNTUK KEBAIKAN SEMUA.

KATANYA, SEMBAR TERSEBUT ADALAH SATU CARA YANG BOLEH MELAHIRKAN KERJASAMA ITU DAN DIHARAPKAN SEMUA PESERTA MENYERTAINYA DENGAN HATI TERBUKA AGAR SEGALA SALAHFAHAM DAPAT DIPERBETULKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA KESELURUHANNYA TARAF PENTADBIRAN NEGARA INI ADALAH LEBIH BAIK DARI ZAMAN PENJAJAHAN WALAUPUN ADA PIHAK YANG MENYATAKAN SEBALIKNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH KEMUDIAN BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS MELAKUKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE NEGERI INI. -- BERNAMA 1948/YF